

20/05/1998

Syarikat besar IT enggan ke luar bandar

Khairul Anuar Samad

KEENGGANAN syarikat utama dalam industri teknologi maklumat (IT) di negara ini untuk terbabit sama dalam pameran IT yang diadakan di luar bandar amat dikesali.

Keadaan itu mampu membantutkan usaha Kerajaan dalam memangkinkan perkembangan teknologi berkenaan dengan berkesan, khususnya kepada masyarakat luar bandar.

Malahan menurut Pengerusi Eksposisi Multimedia, Telekomunikasi dan Elektronik Kelantan 1998 (Emtek 98), Senator Datuk Ibrahim Ali, ia juga membuktikan tidak adanya sifat tanggungjawab sosial mereka dalam menjanakan IT negara.

"Syarikat besar dalam IT, multimedia dan telekomunikasi seharusnya mempunyai sifat tanggungjawab sosial dalam menjana IT sebagai budaya hidup sejajar dengan memperkembangkan IT masa kini.

"Kebanyakan mereka enggan melaksanakan tanggungjawab sosial ini dengan alasan kegawatan ekonomi semasa," katanya kepada KOMPUTER di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan hanya 40 syarikat mengesahkan penyertaan di Emtek 98 selama enam hari di Sekolah Menengah Chabang Empat, Pasir Mas/Tumpat, Kelantan.

Emtek 98 adalah pameran IT, multimedia dan telekomunikasi terbesar luar bandar pernah diadakan di negara ini akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 29 Mei depan.

Daripada 500 syarikat tempatan dan asing yang diminta menyertai Emtek 98, hanya 40 saja syarikat tempatan mengesahkan kesanggupan mereka.

Ibrahim berkata, apa yang dikesali ialah mereka lebih mempersoalkan faedah yang bakal diperolehi apabila menyertai Emtek 98 yang diadakan di luar bandar itu.

"Mereka hanya mementingkan keuntungan. Harus diingat bahawa sebenarnya pasaran mereka juga terdapat di kawasan luar bandar berdasarkan kempen beli komputer yang turut membabitkan masyarakat luar bandar.

"Sebenarnya masyarakat luar bandar juga mampu membeli komputer kerana ia ada hubung kaitnya dengan pendidikan dan seharusnya kalau dilihat dari segi kuasa membeli, tidak kurangnya.

"Kalau mereka memahami pasaran di luar bandar sesuai dengan pembangunan IT kini, sepatutnya Emtek 98 tidak sukar mendapat sokongan syarikat utama IT itu," katanya.

Namun begitu, beliau bersyukur syarikat utama tempatan mengambil bahagian termasuk Mimos Berhad (Mimos) dan Taman Teknologi Malaysia (TPM). Kita amat berharap beberapa syarikat besar di negara ini yang sudah mengaut keuntungan banyak akan turut serta.

Katanya, mereka ini mendapat banyak tender besar daripada Kerajaan namun sambutan daripada mereka amat mengecewakan.

"Syarikat seumpama itu sepatutnya menjengok juga ke luar bandar, ini untuk kebaikan mereka juga.

"Mereka boleh beri alasan yang baik oleh kerana kegawatan ekonomi tetapi kalau tengok syarikat tempatan, mereka masih mengambil bahagian sedangkan mereka lebih kecil," katanya.

Bagaimanapun tanpa pembabitkan mereka, komponen Emtek 98 tetap merangkumi input dan produk yang lengkap dalam IT termasuk teleperubahan.

Menurutnya, Dr Mahathir kerap memperkatakan komitmen terhadap masyarakat dan Emtek 98 akan membuktikan sejauh mana mereka menyambut seruan Kerajaan

dalam membudayakan masyarakat dalam budaya hidup IT.

"Kerajaan sudah melancarkan pelbagai kempen kesedaran IT, tetapi kalau rakyat sendiri tidak melihatnya secara dekat atau fizikal peralatan IT itu, bagaimana masyarakat berkenaan hendak menghargai dan memahami betapa pentingnya IT," katanya.

Emtek 98 diadakan di luar bandar dengan tujuan memberi kesan mendalam kepada masyarakat luar bandar supaya mereka tidak tertinggal jauh dalam arus perkembangan kemajuan ini yang selalunya tertumpu kepada masyarakat bandar.

"Rakyat luar bandar bagaikan dijauhkan dari segi perkembangan IT. Mereka tidak diberi kesempatan dan pendedahan untuk melihat secara dekat teknologi canggih itu.

"Pembabitan syarikat tempatan ini benar-benar melaksanakan agenda sosial dan mereka percaya tidak akan rugi menyertainya, malah mampu mendapat keuntungan besar dari segi publisiti selain pasaran produk dalam jangka panjang," tambah beliau.

(END)